

AXCEL KETOTIFEN SYRUP

Ketotifen Hydrogen Fumarate (1mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Ketotifen Syrup
2. Bagaimana Axcel Ketotifen Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Ketotifen Syrup
4. Cara menggunakan Axcel Ketotifen Syrup
5. Semasa menggunakan Axcel Ketotifen Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Ketotifen Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Axcel Ketotifen Syrup

Axcel Ketotifen Syrup digunakan bagi pencegahan jangka panjang asma bronkial, alahan bronkitis (bengkak dan radang pada saluran udara utama ke paru-paru), simptom asma berkaitan dengan deman alergi. Ia juga digunakan untuk mencegah and merawat alahan multi-sistem, rhinitis alergi (radang pada saluran pernafasan hidung), alahan reaksi kulit dan alahan konjuktivitis (bengkak atau jangkitan pada membran selaput kelopak mata).

Bagaimana Axcel Ketotifen Syrup berfungsi

Ketotifen adalah ubat bukan bronkodilator (tidak melegakan otot-otot bronkus), ubat anti-asma dengan sifat anti anafilaksis (keadaan penyahpekaan kepada antigen) dan kesan antihistamin yang spesifik.

Sebelum menggunakan Axcel Ketotifen Syrup

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Ketotifen Syrup jika:

- Anda alergi atau hipersensitif terhadap kandungan dalam sirap ini.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum mula mengambil Axcel Ketotifen Syrup

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat- ubat, makanan dan perwarna.
- Anda mengambil ubat lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin akan merinteraksi dengan Axcel Ketotifen Syrup anda:

- Agen antidiabetik oral.

Cara menggunakan Axcel Ketotifen Syrup

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

5ml 2 kali sehari pada waktu sarapan dan makan malam.

Bagi pesakit mudah terdedah pada kelalian, regimen progresif dinasihatkan pada minggu pertama rawatan bermula dengan 2.5-5ml pada waktu malam dan meningkat kepada dos terapi yang lengkap.

Jika diperlukan, dos boleh ditingkatkan kepada 20ml sehari dalam dos berbahagi.

Kanak-kanak:

6 bulan-3 tahun: 2.5ml 2 kali sehari.

3 tahun ke atas: 5ml 2 kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Ketotifen Syrup mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos

yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Rasa mengantuk akibat kesan sedatif yang teruk, kekeliruan dan kebingungan, takikardia (kadar denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur) dan tekanan darah tinggi, terutama terhadap kanak-kanak, hiper- keterujaan atau sawan, koma berbalik.

Anda dinasihatkan supaya menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Ketotifen Syrup berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel Ketotifen Syrup

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Ketotifen Syrup.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Ketotifen Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hamil dan menyusukan bayi.
- Beberapa hari pertama semasa rawatan, anda harus berhati- hati semasa melakukan aktiviti yang memerlukan kepekaan kerana reaksi anda akan terjejas.

AXCEL KETOTIFEN SYRUP

Ketotifen Hydrogen Fumarate (1mg/5ml)

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Ketotifen Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Kekeringan mulut.
- Kelalian
- Penambahan berat badan.
- Simptom rangsangan sistem saraf pusat (CNS).

Kesan sampingan jarang:

- Kekeringan mulut.
- Kepeningan yang ringan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Ketotifen Syrup

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Ketotifen Syrup dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Ketotifen Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah- langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Ketotifen Syrup merupakan sirap berwarna oren dengan perisa oren.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:
Ketotifen Hydrogen Fumarate

- Bahan Tidak Aktif:

Orange Flavour, Purified Water, Carboxymethylcellulose Sodium, Sunset Yellow Dye, Propylene Glycol, Sodium Benzoate dan Refined Sugar.

-Nombor MAL

MAL19971379AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate, 75250
Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/04/19

Nombor siri

NPRA(R2/1)190417/114